



In this issue:

Featured Interview
with Professor Ts. Dr
Mohd Nazip Suratman
Thriving in Research
during Pandemic

Page 08

Featured Articles
Hope is on Its Way:
COVID-19 Vaccination
in Malaysia

Working from Home in
the New Norms

Page 11

FSG Led PPE Mission
for Sabah Frontliners

Page 34

FSG Won Multiple
Awards

Page 62

UNSTOPPABLE: FSG WON GLOBAL PROMINENCE AWARD 2020 & THE AWARDS UiTM 2021



FSG ALUMNA SHINES IN ENGLAND

22 | k²

Kosmo' SININ 26 APRIL 2022

Ibu, bapa jadi idola lakar kejayaan

Gadis Kampus

Oleh KHAIRIYAH HANAFI

RAUT wajahnya lembut, tutur katanya pula sangat sopan dan terusun. Di sebalik imej yang dilawannya itu, siapa yangka gadis ini seorang yang berjaya besar dan nukan sesuatu yang mencabar.

Merupakan graduan Sarjana Forensik Sains dari Universiti Teesside, Middlesbrough, England dan bakal melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah (PhD) dalam jurusan sama, pemilik nama Nik Ihtisyam Majdah Nik Razi, 24, berjaya membuhtikan gadis seperti ini juga mampu menceburi bidang mencabar sama seperti lelaki.

Begitupun di sebalik kejayaan yang digapainya hari ini, gadis ini pernah dibelenggu dengan rasa sedih selepas pemergian ibu tercinta, dua bulan sebelum dia "terbang" untuk melanjutkan pengajian.

Begitupun anak kelahiran Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan ini menjadikan situasi tersebut sebagai sumber kekuatan untuk dia terus mengejar kejayaan sehingga ke hari ini. "Saya kehilangan ibu sebelum dua bulan melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Forensik Sains di England."

"Berat hati ini Allah sahaja yang tahu. Ibu mula menghadapi sakit paru-paru pada bulan Februari 2019 sebelum menghembuskan nafas terakhir pada bulan Julai," katanya memulakan bicara.

Sudahlah kehilangan insan tersayang, gadis yang mesra disapa Syam dalam kalangan keluarga itu juga bergelut dengan masalah kewangan memandangkan pada waktu itu pengajarnya tidak mendapat mana-mana tajaan mahupun bimbingan.

Bagaimanapun, talka mengemukakan ia adalah hasrat ibunya, dia menggapahkan diri untuk berkelana ke negara orang demi menuntut ilmu pada bulan September 2019.

"Minat dalam bidang forensik sains ini terbit daripada keinginan untuk bergelar seorang doktor perubatan ataupun peragaan."

"Sebelum menerima tawaran meneruskan pengajian di England, saya terlebih dahulu mendapat tawaran dari dua negara iaitu Turki dan Mesir."

"Disebabkan pada waktu itu kedua-dua negara itu bergolak dan berlakunya rusuhan, hasrat tersebut terpaksa disimpan," ceritanya.

Beda dengan ketetapan Ilahi, Syam teringat kata-kata yang ditiptikan ibunya.

"Kata arwah ibu setiap ilmu ada kelebihan. Jika tidak dapat mengurniakan orang hidup sebagai doktor, dapat mengurniakan orang mati sebagai ahli forensik pun sudah memadai," kongsi.

Ujarnya lagi, tidak pernah terlintas di fikirannya akan melanjutkan pengajian di luar negara terutamanya di Eropah. Begitupun menurut anak kesebelas daripada 12 orang adik-beradik itu lagi,

INFO

Nik Ihtisyam Majdah

- Lahir pada 25 Februari 1996
- Berasal dari Pulau Melaka, Kelantan
- Merupakan anak kesebelas daripada 12 orang adik-beradik
- Boleh bertutur dalam empat bahasa dengan fasih: Bahasa Melayu, Inggeris, Arab dan Mandarin



BAGI Nik Ihtisyam Majdah, kejayaan yang dicapainya kini adalah hasil pengorbanan kedua-dua ibu bapanya.

idea untuk melanjutkan pengajian di bumi asing teretus apabila sering didendangkan dengan kisah-kisah menarik daripada penyarahnya.

"Ketika melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Forensik Kimia di UiTM Shah Alam satu ketika dahulu, saya begitu tertarik apabila penyarah sering memulakan setiap kelas forensik dengan kes-kes pelik."

"Bukan sahaja kes pelik, kes melibatkan golongan atasan dan model terkenal juga dikongsi bersama. Antaranya ialah Almarhumah Shaariibu Setev (2006), ahli perniagaan, Sosilawati dan beberapa individu lain."

"Kisah-kisah itu membuatkan kami berminat untuk mengaji lebih banyak kes dan menegali daripada sudut pandangan sebagai ahli forensik. Tambahan pula, salah seorang penyarah sering bercerita mengenai keindahan bumi orang sewaktu dia melanjutkan pengajian."

"Kisah-kisah tersebut membuatkan perasaan saya membaik-baik untuk mengaji universiti dan penduduk

seempatnya sehingga akhirnya saya berjaya menempatkan diri di universiti tersebut," jelasnya.

Berjaya memamatkan pengajian tiaripun dirundung lisa dan sedang menunggu panggilan menyambung pengajian di peringkat PhD, Syam kini berada di Mesir untuk belajar talaq al-Quran di Datul Itqan, Muqattom dan belajar bahasa Arab di Markaz Aleem, Hayyu Sabi, Kaherah.

Kagum penulis takala mendengar kisah gadis ini yang sentiasa dahagakan ilmu. Takala ditanya apa yang membuatkan dirinya terus-menerus memenuhkan ilmu di dada, dengan pantas dia menjawab, arwah ibu dan bapanya merupakan individu yang bertanggungjawab membentuk dirinya sehingga ke hari ini.

"Sudah tentunya ibu dan bapa. Arwah ibu, Dr. Rus Sanani Asiah Hassan merupakan penerima Anugerah Khas Pendidikan, Hari Saktitina Khadijah 2021 dan bapa pula, Nik Razi merupakan penerima anugerah Tokoh pendidikan Yayasan Islam Kelantan 2005."

"Walaupun sibuk dalam melaksanakan amanah mereka dalam menyampaikan ilmu kepada ummah, tetapi tidak pernah mengabaikan kami 12 orang anak-anak dalam kepentingan pendidikan."

"Jangan pernah berputus asa dalam mencari ilmu walaupun kita telah kehilangan orang tersayang."

"Balas pengorbanan mereka dengan kejayaan dunia dan akhirat agar menjadi anak yang memimpin ibu bapa ke syurga kelak," jelasnya sebelum menutup bicara.

TERUJA untuk mengenali adat dan budaya asing, membuatkan anak gadis berusia 24 tahun ini memilih untuk berkelana ke England.



KES pelik diceritakan penyarah, menambahkan minat gadis ini pada bidang forensik.



FSG is proud with Miss Nik Ihtisyam Majdah Nik Razi for her outstanding academic achievement. She studied Chemistry (Forensic Analysis) in UiTM Shah Alam and later pursued her master's degree in Forensic Science at Teesside University, Middlesbrough, England in 2019. She will continue her quest for a doctoral degree in the same area. FSG wishes Nik Ihtisyam lots of success as she begins a new journey.



اُنِيْوَرْسِيْٓتِيْ تِيْكَنُوْلُوْجِيْ مَآرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Published by FSG Corporate Communications Unit

©2021. FSG Corporate Communications Unit, Faculty of Applied Sciences,
Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA